



UKK/600-01/05 (76)

SIARAN MEDIA

BALAI SENI NEGARA RAI ULANG TAHUN KE-66

28 OGOS 2024 – Balai Seni Negara hari ini menyambut ulang tahun ke-66 penubuhannya. Sejak penubuhannya pada tahun 1958, Balai Seni Negara telah menjadi pusat utama seni visual di Malaysia yang memainkan peranan penting dalam menghimpun, memamer, mempromosi serta memelihara dan memulihara hasil seni.

Sepanjang lebih enam dekad, pelbagai pencapaian diraih dengan hasil sokongan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta penggiat seni tempatan. Sebagai sebuah institusi yang berperanan dalam memperkasa seni visual negara, Balai Seni Negara terus komited dalam memberikan yang terbaik kepada pengunjung selain turut memberi komitmen yang tinggi dalam menyediakan pelbagai platform buat seniman tempatan.

Balai Seni Negara juga melangkah ke arah pelaksanaan inisiatif ‘desentralisasi’, bertujuan untuk merayakan seni bersama komuniti tempatan dan membentuk masyarakat yang kreatif serta produktif. Langkah ini selaras dengan tujuh teras utama yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021.

Sehingga kini, Balai Seni Negara telah memperoleh kira-kira lebih 5,000 koleksi seni visual negara. Sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara hasil seni, kejayaan Balai Seni Negara dapat dilihat dengan penubuhan Pusat Repositori dan Konservasi Seni Negara yang juga dikenali sebagai ‘Art Hospital’. Pusat ini berperanan memantapkan lagi tanggungjawab sedia ada dalam mengurus koleksi dan konservasi seni serta menawarkan khidmat nasihat, restorasi dan storan koleksi seni kepada orang awam.

Selain itu, komitmen Balai Seni Negara dalam menyemarakkan seni dapat dilihat dengan penubuhan cawangan Balai Seni Negara di Langkawi, Kedah. Ia bertujuan untuk membuka lebih banyak peluang buat penggiat seni tempatan untuk berkarya serta mempromosikan aktiviti kesenian di pulau berkenaan. Usaha ini akan diteruskan dengan penubuhan Balai

Seni Negara di Ipoh, Perak yang dijangka akan mula beroperasi pada tahun hadapan. Langkah ini merupakan salah satu strategi dalam merancakkan aktiviti seni di Perak sekaligus meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri itu.

Sambutan ulang tahun ke-66 ini menjadi satu peluang untuk meraikan pencapaian dan mengukuhkan tekad untuk terus melangkah ke hadapan memajukan ekosistem seni negara. Balai Seni Negara ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pengunjung, para penggiat seni dan rakan kerjasama yang sentiasa memberi sokongan.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my